

# 'Ambil iktibar perjuangan Rasulullah'

**P**EKAN: Umat Islam digesa mengambil iktibar daripada sejarah perjuangan Rasulullah dan sahabat bagi menjadikan mereka ummah yang taat kepada Allah, setia kepada pemimpin dan membentuk disiplin diri yang kental.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak berkata, sifat terpuji itu boleh menjadikan mereka sebagai umat Islam yang cemerlang.

"Jika kita menyingkap sejarah perjuangan Rasulullah, kita dapat lihat banyak peristiwa penting berlaku pada bulan Ramadan.

"Pada masa perang Badar, umat Islam seramai kira-kira 300 orang mampu menewaskan pasukan musuh yang besar bilangannya.

"Walaupun terpaksa menahan daripada makan dan minum, mereka mempunyai semangat yang tinggi menjadikan mereka umat yang berdisiplin serta berjaya dalam perjuangan," katanya dalam ucapan ringkas di Majlis Berbuka Puasa di Masjid An Nur, Kampung Ketapang Hilir, dekat sini, semalam.

Najib berkata, berbeza ketika Perang Uhud, umat Islam tewas kerana ingkar kepada pesanan Rasulullah.

Sehubungan itu, katanya ibadat puasa mengandungi unsur tarbiyah yang besar dari segi mendidik jasmani dan menyucikan roh serta semangat.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pekan memberi jaminan tidak akan melupakan ikrar yang dibuat kepada masyarakat Pekan.

"Saya akan menjalankan tugas dengan sebaik mungkin dan berkat sokongan dan kerjasama semua pihak, saya akan membawa kemajuan kepada kawasan serta membela nasib rakyat yang miskin di sini," katanya.

Terdahulu, Najib turut menyerahkan sumbangan barang keperluan kepada 72 warga emas dan miskin di kampung itu.